

TERMA DAN SYARAT

KEMPEN “i-MERCHANTRAKYAT TAP DAN MENANG” KATEGORI A (PEDAGANG)

❖ **SYARAT KELAYAKAN:**

1. Kempen ini terbuka kepada semua pedagang berdaftar Bank Rakyat yang berada di lokasi yang disenaraikan di Lampiran 1 yang menggunakan aplikasi i-MerchantRakyat *Tap on Phone* bagi penerimaan pembayaran melalui Kad Debit-i oleh pelanggan.

❖ **TEMPOH KEMPEN:**

1. Kempen akan bermula pada 15 Februari 2025 hingga 31 Disember 2025.

❖ **MEKANISME PENYERTAAN DAN HADIAH/INSENTIF KEMPEN:**

1. Semua pedagang mesti menggunakan aplikasi i-MerchantRakyat *Tap on Phone* untuk menerima pembayaran daripada pelanggan melalui Kad Debit-i sahaja.
2. Kempen ini dibahagikan kepada tiga (3) kategori, iaitu:
 - i. Insentif pendaftaran pedagang.
 - ii. Insentif pengaktifan pedagang.
 - iii. Hadiah Utama untuk 26 pedagang dengan bilangan transaksi tertinggi.
3. Insentif/Hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Kategori	Penerangan	Hadih
A1: Insentif Pendaftaran Pedagang	<ul style="list-style-type: none"> • RM10 akan diberikan kepada setiap pedagang yang berjaya didaftarkan setelah melengkapkan proses pendaftaran dan mengaktifkan akaun. • Insentif tunai ini hanya terhad kepada 450 pedagang pertama sahaja. • Setiap pedagang hanya layak menerima insentif tunai sekali sahaja dalam kategori A1 sepanjang tempoh kempen berlangsung. • Insentif tunai tambahan sebanyak RM50 (Insentif Khas Raya) akan diberikan kepada 100 pedagang pertama yang mendaftar pada bulan Februari dan Mac. 	<p>Insentif Tunai RM10 X 450 Pedagang</p> <p>Insentif Khas Raya RM50 X 100 Pedagang</p>

	<ul style="list-style-type: none"> • Insentif tunai ini hanya layak untuk pedagang baru sahaja. 	
A2: Insentif Pengaktifan Pedagang	<ul style="list-style-type: none"> • Pedagang yang menerima pembayaran Kad Debit-i minimum RM5 dalam satu transaksi daripada pelanggan melalui i-MerchantRakyat <i>Tap on Phone</i> sekurang-kurangnya 10 transaksi selepas pengaktifan bagi dua bulan berturut-turut akan layak menerima insentif sebanyak RM50 bagi setiap akaun pedagang yang berdaftar. • Insentif ini terhad kepada 450 pedagang pertama sahaja. • Setiap pedagang hanya layak menuntut insentif bagi kategori A2 sekali sahaja sepanjang tempoh kempen berlangsung. • Insentif tunai ini hanya layak untuk pedagang baru sahaja. • Pedagang tidak dibenarkan melakukan transaksi belian di i-MerchantRakyat <i>Tap on Phone</i> menggunakan Kad Debit-i milik pedagang. 	<p>Insentif Tunai RM50 X 450 Pedagang</p>
A3: Hadiah Utama untuk 26 pedagang bagi bilangan transaksi tertinggi.	<ul style="list-style-type: none"> • Pedagang yang mempunyai jumlah transaksi tertinggi sepanjang tempoh kempen akan dipilih sebagai pemenang hadiah utama, dengan syarat kelayakan minimum 600 transaksi sepanjang tempoh kempen berlangsung. • Selebihnya bagi 25 pedagang lain yang mempunyai jumlah transaksi tertinggi sepanjang tempoh kempen akan dipilih sebagai pemenang hadiah sagu hati. • Jika dua atau lebih pedagang mempunyai jumlah transaksi yang sama, pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah jualan MyDebit tertinggi (RM) sepanjang tempoh kempen. • Bagi hadiah utama, jika jumlah transaksi minimum sebanyak 600 tidak tercapai pada akhir kempen, 	<p>Hadiah Utama RM10,000 X 1 Pemenang</p> <p>Hadiah Sagu Hati RM 500 X 25 Pemenang</p>

	<p>hadiah utama tidak akan diberikan. Sebaliknya, hanya hadiah sagu hati akan diberikan kepada pedagang yang layak.</p>	
--	---	--

4. Bagi kategori A1 dan A2, pedagang yang layak akan diumumkan dalam masa empat (4) minggu selepas setiap suku tahun berakhir.
5. Bagi Kategori A3, pemenang bagi kempen ini akan diumumkan dalam masa empat (4) minggu selepas kempen berakhir.
6. Bank Rakyat akan mengkreditkan ganjaran tunai ke Akaun Semasa-i Elektronik pemenang yang telah didaftarkan setelah senarai pemenang diumumkan.
7. Pemenang akan dimaklumkan melalui panggilan telefon atau lain-lain kaedah yang dirasakan bersesuaian oleh Bank Rakyat.
8. Bank Rakyat boleh menggantikan hadiah (jika perlu) dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama, dengan menyiarkan notis di dalam laman sesawang Bank Rakyat atau mana-mana saluran yang dianggap sesuai oleh Bank Rakyat.
9. Pemilihan pemenang adalah MUKTAMAD. Sebarang surat-menjurat, pertikaian dan rayuan tidak akan dilayan sama sekali.

❖ LAIN-LAIN

1. Dengan menyertai kempen ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat rasmi yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh Bank Rakyat yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.
2. Bank Rakyat mempunyai hak eksklusif untuk mencetak dan menyiarkan nama serta gambar peserta untuk tujuan promosi dalam akhbar, majalah, laman sesawang Bank Rakyat, atau mana-mana saluran yang dianggap sesuai oleh Bank Rakyat.
3. Bank Rakyat boleh menolak dan/atau mengeluarkan sebarang penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan, dimanipulasi, tidak sah serta tidak memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat.
4. **PENAFIAN:** TERTAKLUK KEPADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PEMEGANG KAD ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA (KECUALI UNTUK LIABILITI YANG TIMBUL DARIPADA KECUAIAN MELAMPAU, SALAH LAKU, PERBUATAN SENGAJA, FRAUD ATAU KEINGKARAN SENGAJA BANK RAKYAT) UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN DALAM KEMPENINI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITIKETAT ATAU SEBALIKNYA,

DAN SAMA ADA PEMEGANG KAD TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.

5. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan oleh bencana alam, perang, rusuhan, perintah berkurst, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.
6. Dengan menyertai kempen ini, peserta bersetuju dan membenarkan Bank Rakyat untuk mendedahkan maklumat peserta kepada mana-mana wakil yang dilantik oleh Bank Rakyat untuk tujuan Kempen ini.
7. Bank Rakyat boleh meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat ini dari semasa ke semasa dengan menyiaran notis di laman web Bank Rakyat atau mana-mana medium komunikasi lain yang sesuai dan apa-apa pindaan, pembatalan atau penambahan itu hendaklah berkuat kuasa selepas notis tersebut dikeluarkan atau diterbitkan.
8. Terma dan syarat ini tertakluk dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia.
9. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-2693 6880 atau layari laman sesawang Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my.